

07/11/2003

Ilmu jaminan kesejahteraan umat di dunia, akhirat

Naqieya Zul

KENYATAAN bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai Yahudi pada persidangan OIC bulan lalu, dikecam hebat sesetengah masyarakat Barat. Di Australia, Perdana Menteri John Howard malah kebanyakan penduduk di sini, media masa dan media elektronik turut mencemuh Dr Mahathir. Tetapi tidak kurang juga menyokong beliau.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyatakan separuh dari 12 juta Yahudi dibunuh di Eropah pada masa lampau. Kemudian, bangsa Yahudi mempergunakan orang Eropah melakukan pembunuhan untuk mereka khususnya menjelang pembentukan Israel.

Kalau kita teliti al-Quran, sebenarnya perilaku bangsa Yahudi dan keadaan mereka masa kini banyak dihuraikan dalam surah Al Israak. Sejarah Bani Israil bermula dengan kisah pada zaman Nabi Musa apabila anak lelaki mereka disembelih oleh Firaun.

Kemudian sejarah berulang lagi apabila Yahudi diracun dalam balang pada zaman pemerintahan diktator Jerman, Adolf Hitler menyebabkan kira-kira enam juta maut.

Yahudi hari ini adalah kalangan yang dinyatakan di dalam surah 17 ayat berikut: 17:4 "Dan kami telah menentukan bagi Bani Israil di dalam kitab, kamu akan membuat kerosakan dua kali di bumi, dan kamu amat sombong dengan kesombongan yang keterlaluan."

17:5 Maka, apabila datang saat hukuman bagi (kejahatan) pertama dari kedua (kejahatan) itu, Kami datangkan kepada kamu hamba-hamba Kami yang ada kekuatan yang besar lalu mereka bermaharajalela di kampung dan itulah ketetapan yang pasti terlaksana.

17:6 Kemudian Kami mengembalikan kepada kamu giliran untuk mengalahkan mereka dan Kami membantu kamu dengan harta kekayaan dan anak-anak dan Kami menjadikan kamu satu kumpulan yang lebih besar.

17:16 Dan apabila Kami menghendaki untuk memusnahkan sesebuah negeri, maka Kami perintah orangnya yang hidup mewah (supaya mentaati Allah) tetapi melakukan kefasikan di dalam negeri itu, kemudian wajarlah ketentuan Kami lalu Kami binasakan negeri itu sehancur-hancurnya.

17:20 Dan masing-masing golongan baik kami bantu, golongan ini (yang mengejar duniawi) dan golongan itu (yang mengejar akhirat). Kami berikan bantuan dari kemurahan Allah. Dan kemurahan Allah itu tidak terbatas.

Ayat itu mengatakan pertolongan Allah tidak terbatas kepada sesiapa saja yang dikehendaki-Nya.

Orang Yahudi akan terus bersikap sebagaimana hari ini sehinggalah orang Islam mahu berbalik semula kepada Allah seperti yang dinyatakan dalam ayat 17:8 berikut: Mudah-mudahan Tuhanmu akan melimpahkan rahmat-Nya dan sekiranya kamu kembali kepada (kefasikan) nescaya Kami kembali menimpakan azab dan Kami jadikan neraka jahanam penjara bagi orang yang tidak beriman.

Persoalannya kenapa Allah membantu Yahudi dan kenapa Allah menyuruh 'Islam' sekarang kembali kepada-Nya?

Adakah orang Islam sekarang yang sembahyang, berpuasa dan pergi haji berduyun-duyun tidak Islam dalam erti kata sebenarnya di sisi Allah? Apakah apabila seseorang itu sembahyang lima kali sehari ditambah sembahyang sunat, berpuasa pada Ramadan dan ditambah puasa-puasa sunat dan pergi ke Baitullah untuk umrah dan haji sudah Islam? Apa yang tidak kena dengan masyarakat Islam hari ini?

Mungkin apa yang tidak kena adalah orang Islam kini mengutamakan

kepentingan diri dan tidak nampak tuntutan agama yang sebenar dan peraturan yang digariskan Allah di dalam al-Quran. Yang dikejar hanyalah pahala. Bagi yang berfikiran sempit, sangkanya inilah pekerjaan yang membawa kepada kebaikan sejagat dan sentiasa membayangkan syurga untuk dirinya.

Tidak mereka terfikir, pemahaman Islam seperti ini tidak lebih daripada khayalan dan sangkaan. Belum terbukti hanya sembahyang, puasa dan pergi haji membawa satu kebaikan kepada orang Islam lebih-lebih lagi kepada manusia sejagat.

Yang dapat mungkin kemegahan dunia sedangkan golongan yang menunaikan ibadat haji berkali-kali menidakkan hak golongan miskin terhadap harta mereka.

Sebenarnya kebaikan dalam erti kata sebenarnya yang terbukti memberi manfaat kepada manusia sejagat tidak kira apa fahaman agama dan bangsa mereka adalah lebih menjurus kepada penerokaan dan pemahaman ilmu pengetahuan.

Ilmu pertanian misalnya penting didalami kerana ia membantu menambah hasil pertanian dan binatang ternakan, ilmu perlombongan, ilmu biologi, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya semuanya menyumbang kepada pembangunan sesuatu ummah. Ilmu peperangan seperti dipelopori bangsa barat akan menolong umat Islam mempertahankan diri.

Semua ilmu ini diperkatakan di dalam al-Quran. Ilmu itu satu tiket menjamin kesejahteraan umat Islam di dunia dan akhirat. Malangnya rata-rata umat Islam tidak mempedulikan tuntutan sepenuhnya ajaran sebenar Islam sebagaimana digariskan di dalam al-Quran. Ini ditambah lagi dengan ajaran dari sesetengah ulama yang dangkal pemikirannya. Segala bentuk khazanah ilmu itu tidak begitu dititik beratkan, sebaliknya bagaimana mendapatkan pahala melalui angan-angan mereka yang diutamakan.

Dunia Islam sekarang ini dipenuhi kebuluran kerana hasil pertanian dan ternakan yang tidak subur, tanah yang kering kontang kerana kemarau. Berduyun-duyun umat Islam berbaris sembahyang sunat meminta bencana dihapuskan, meminta hujan. Mereka menyangka dan berkhayal bahawa Allah akan menurunkan hujan dan tanpa kemajuan teknologi tumbuhan jagung dan gandum mereka tumbuh subur seperti kayu-kayan di hutan.

Adakah Nabi Daud dan Zulkarnain sentiasa berzikir, sembahyang hajat dan berdoa supaya diberi mukjizat membuat baju besi dan tembok peperangan?

Hendaknya orang Islam merenung perkara ini kemudian teliti semula ayat 17:8.

Pengkajian mendalam ini perlu dimulakan daripada diri kita sendiri yang mahu mengaku Islam dan menjadi orang mukmin lagi bertakwa. Kini bukanlah masa untuk kita mementingkan diri sendiri dengan mengejar pahala atau mengumpul wang di dalam poket saja.

Biar Allah saja menilai kita. Hentikanlah cita-cita menjadi ulama semata-mata untuk berceramah mengenai pahala bersembahyang, berpuasa dan mengerjakan haji. Begitu juga hentikanlah cita-cita hanya mengejar kemewahan dalam hidup. Sekiranya kita berterusan dalam sandiwara laungan Islam sekadar di bibir, membawa sepanduk melaungkan ayat al-Quran, mengejar pahala demi kepentingan diri, selagi itulah umat Islam dipermainkan musuh Islam. Cerminlah kedudukan dan kefahaman Islam masing-masing dengan penuh kesedaran agar umat Islam boleh maju ke depan.

NAQIEYA ZUL,
Western Australia.